

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 03/05/2008

## Nik Aziz sambut baik kerjasama BN

UM - 3/5/2008

TUMPAT 2 Mei - Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyambut baik saranan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan, Datuk Alwi Che Ahmad yang mahukan kerjasama lebih baik dengan kerajaan negeri.

Beliau berharap dengan adanya kerjasama tersebut, sidang DUN akan berjalan dengan lebih baik dan tidak ada serangan peribadi daripada mana-mana wakil rakyat termasuk pihak pembangkang.

Katanya, pendekatan yang dibawa oleh Alwi amat baik untuk

membangunkan negeri ini jika dibandingkan dengan ketua pembangkang sebelumnya.

"Memang perkataan yang 'sedap' begini mesti keluar dari mulut ketua pembangkang, nampaknya kali ini tidak serupa macam dulu, saya ingat ketua pembangkang yang baru ini apa yang dia cakap itu daripada isi hati dia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Muhibah Masyarakat Siam di Wat Phikul Tong, Kampung Terbak di sini hari ini.

Semasa sesi perbahasan sidang

DUN baru-baru ini, Alwi meminta semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) supaya tidak mengungkit perkara yang lepas dan memulakan episod baru dengan menjalinkan kerjasama lebih erat.

Nik Abdul Aziz berkata, beliau menerima baik keterbukaan yang ditunjukkan oleh Alwi dan wajar dicontohi.

"Ikhlas tidak ikhlas, saya tidak tahu tetapi nampak keterbukaan beliau, kita setuju sangat... nak masuk Pas pun kita lagi setuju," katanya.